

SEKOLAH DALAM HOSPITAL: ISU, CABARAN DAN IMPLIKASI PELAKSANAANNYA

Jong Yii Phin
Mohd Hanafi Mohd Yasin

ABSTRAK

Sekolah Dalam Hospital merupakan satu inovasi dalam sistem Pendidikan negara yang memberikan kemudahan kepada para pelajar yang berada di wad hospital bagi tempoh yang lama untuk mendapatkan Pendidikan yang formal. Namun demikian, ramai lagi netizen yang tidak mengetahui mengenai kewujudan sekolah dalam hospital di negara ini. Oleh yang demikian, kertas konsep ini membincangkan mengenai sekolah dalam hospital, isu, cabaran dan implikasi daripada pelaksanaannya. Kertas konsep ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Dapatan kajian menunjukkan antara isu dan cabaran yang dikenalpasti adalah guru kurang mengenali murid, murid yang dikelompok tidak mengira umur dan guru berhadapan dengan penyakit berjangkit. Selain itu implikasi kajian turut dibincangkan dalam kertas konsep ini. Ia turut membincangkan cadangan bagi menyelesaikan permasalahan dan isu-isu agar dapat membantu dalam memperkasakan sekolah dalam hospital.

Kata Kunci: sekolah dalam hospital (SDH)

PENGENALAN

Sekolah Dalam Hospital (SDH) merupakan satu inisiatif bersama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hospital Universiti dan Yayasan Nurul Yacien (YNY) terhadap keperluan meneruskan pendidikan kepada murid yang berada di wad hospital dan mempunyai kesediaan untuk belajar (KPM, 2017).

Pembelajaran di SDH berorientasikan didik hibur dan fleksibel dalam suasana persekitaran yang kondusif. Pendekatan ini secara tidak langsung merupakan satu terapi yang dapat membantu proses penyembuhan murid yang berada di hospital. Oleh itu, kelangsungan pembangunan modal insan dapat diteruskan di luar amalan persekolahan yang konvensional.

Penggunaan nama "Sekolah Dalam Hospital" telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Sekolah Dalam Hospital KPM Bil. 4/2011 bertarikh 19 Mei 2011 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM). Mesyuarat juga memutuskan bahawa Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) diberi tanggungjawab sebagai pentadbir dan pengurus SDH (KPM, 2017). Terdapat lima belas buah Sekolah dalam Hospital di Malaysia merangkumi Sabah, Sarawak dan semenanjung Malaysia.

Jadual 1 : Senarai Sekolah dalam Hospital di Malaysia

Nama Hospital	Lokasi	Fasa Penubuhan
SDH Hospital Serdang	Selangor	Fasa 1 (2011)
SDH Hospital Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	Fasa 1 (2011)
SDH Hospital Ampang	Kuala Lumpur	Fasa 1 (2011)
SDH Pusat Perubatan UKM	Kuala Lumpur	Fasa 2 (2012)
SDH Hospital Sultnah Aminah	Johor	Fasa 2 (2012)
SDH Hospital Sultan Haji Ahmad Shah	Pahang	Fasa 2 (2012)
SDH Hospital Universiti Sains Malaysia	Kelantan	Fasa 2 (2012)
SDH Pusat Perubatan UM	Kuala Lumpur	Fasa 3 (2013)
SDH Hospital Selayang	Selangor	Fasa 3 (2013)
SDH Hospital Pakar Sultnah Fatimah	Johor	Fasa 3 (2013)
SDH Hospital Tuanku Jaafar Seremban	Negeri Sembilan	Fasa 4 (2014)
SDH Hospital Umum Sarawak	Sarawak	Fasa 4 (2014)
SDH Hospital Wanita dan kanak-kanak Likas	Sabah	Fasa 4 (2014)
SDH Hospital Sultnah Nur Zahirah	Terengganu	Fasa 5 (2015)
SDH Hospital Tawau	Sabah	Fasa 5 (2015)

SDH Malaysia berpandukan Model Hospital School in Australia (The Children's Hospital at Westmead, Royal North Shore Hospital and Sydney Children's Hospital, Randwick) yang telah disesuaikan mengikut konteks Malaysia (KPM, 2017).

Guru dan kanak-kanak bukanlah sesuatu yang asing, jadi adalah tidak menjadi masalah untuk guru mengajar di hospital selagi masih lagi menyediakan satu tempat khas untuk dijadikan sebagai kelas untuk pesakit kanak-kanak di hospital untuk belajar. Dengan adanya tempat ini, maka privasi pesakit lain yang sedang dalam rawatan sudah pasti tidak akan terganggu dengan sesi pembelajaran yang sedang berlangsung.

Objektif pelaksanaannya adalah bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas ketika berada di wad, tidak tercicir dalam pelajaran dan terus dipelihara selaras dengan matlamat Pendidikan Untuk Semua. Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memperluas akses dan ekuiti pendidikan serta meningkatkan kualiti pendidikan negara (BPK, 2014).

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa setiap murid tanpa mengira peringkat dan latar belakang termasuk tahap kesihatan layak untuk mendapat pendidikan yang berkualiti. Oleh itu, antara objektif utama program SDH adalah untuk memastikan semua kanak-kanak serta remaja yang mendapat rawatan di hospital berpeluang mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti. Hal ini merupakan tanggungjawab Kementerian Pelajaran dalam memastikan setiap kanak-kanak di negara ini mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti tidak kira di mana mereka berada.

Menurut Ornstein dan Hunkins (2004), pembelajaran tidak boleh dipisahkan dengan kehidupan seharian kanak-kanak, malah pembelajaran mestilah berdasarkan keperluan dan minat kanak-kanak. Hal ini seiring dengan pelaksanaan program Sekolah Dalam Hospital yang mana memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk menimba ilmu pengetahuan secara berterusan walaupun berhadapan dengan masalah kesihatan. Proses pengajaran dan pembelajaran SDH diubahsuai supaya bersesuaian dengan keadaan kanak-kanak tersebut di samping memenuhi keperluan mereka sebagai pelajar.

LATAR BELAKANG SEKOLAH DALAM HOSPITAL

Keciciran pelajaran bagi pelajar yang sakit dan menerima rawatan di hospital. Terdapat di kalangan pesakit terdiri daripada pelajar yang pandai, adalah satu kerugian jika tahap pemikiran mereka disia-siakan. Sakit bukan sebagai penghalang kanak-kanak untuk sambung belajar sambil jalani rawatan. Anak-anak yang terpaksa tinggal lama di hospital memperoleh banyak faedah dengan adanya SDH. Anak-anak ini tidak ketinggalan dalam pelajaran.


Pendekatan pembelajaran sekolah dalam Hospital berbeza daripada sekolah biasa yang menekankan pembelajaran secara santai dan menyeronokkan. Persekitaran pembelajaran yang tenang, menarik dan penuh warna-warni merupakan terapi semula jadi bagi pelajar dan kanak-kanak di hospital. Kemasukan ke wad menyebabkan perasaan trauma dan tidak selesa kepada kanak-kanak (Ismail dan Mohd, 2006). Ismail dan Mohd (2006) turut menyatakan suasana di hospital sebagai sesuatu yang tidak menarik dan kondusif.

Menurut Wendy dan Anna (1998) kanak-kanak yang tinggal lama di hospital melihat suasana di hospital sebagai sesuatu yang asing bagi mereka berbanding dengan rumah atau sekolah. Justeru kajian ini dibuat untuk mengenalpasti cabaran baru dalam dunia Pendidikan serta Melihat persepsi guru, isu dan cadangan penambahbaikan Sekolah dalam hospital.

Maka melihat kepada perkara ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama badan sukarelawan secara tidak formal telah memulakan inisiatif seumpama ini sejak awal tahun 1990-an. Bagi memastikan pendidikan secara formal, berstruktur dan sistematik dapat disediakan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil tanggungjawab meneruskan usaha ini dengan kerjasama KKM dan Yayasan Nurul Yaqeen (YNY).

KONSEP DAN PEMBELAJARAN SEKOLAH DALAM HOSPITAL

Program SDH wujud hasil daripada jaringan kerjasama antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang bertujuan untuk memastikan Pendidikan untuk semua adalah dipenuhi dalam aspek Pendidikan kanak-kanak. Pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan SDH adalah Yayasan Nurul Yaqeen (YNY), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Rajah 1 menunjukkan peranan dan tanggungjawab yang telah dipersetujui pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Sekolah Dalam Hospital.



Rajah 1: Peranan dan Tanggungjawab agensi yang terlibat¹

¹ Sumber: <https://moe.gov.my/images/BPK/MANUAL-PELAKSANAAN-PROGRAM-SDH.pdf>

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam SDH berlaku secara gabungan pelbagai tahap. Murid terdiri daripada pelajar prasekolah hinggalah sekolah menengah. Guru pula bertindak sebagai pemudahcara (BPK,2014). Program sekolah dalam hospital turut memberi penekanan terhadap peranan guru sebagai pemudahcara kepada murid untuk belajar. Hal ini dapat difahami melalui keberkesanan kaedah guru di dalam menyampaikan ilmu kepada murid dalam bentuk yang mudah serta dapat difahami oleh murid tersebut.

Menurut Joyce. B & Weil (2003), hasil pengajaran yang paling penting sekali mungkin adalah meningkatkan kebolehan murid – murid untuk belajar dengan lebih mudah dan berkesan kelak akibat perolehan pengetahuan dan kemahiran serta penguasaan proses pembelajaran. Hal ini bermaksud pembelajaran yang mudah akan memberi kesan yang lebih mendalam dan mudah difahami oleh murid. Mook Soon Sang (2009) mengatakan bahawa sebagai seorang pemudah cara, tugas utama seorang guru ialah melicinkan segala proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan itu, guru haruslah menyediakan segala rancangan pengajaran dan pembelajaran yang sistematik serta alat bantu mengajar yang mencukupi, memotivasi murid-murid, menggalakkan murid- murid terlibat aktif dalam aktiviti pembelajaran dan mewujudkan suasana pembelajaran yang positif supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar, sistematik dan teratur.

Sementara itu, Syed Ismail (2010) menyatakan bahawa sebagai seorang guru, antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang guru adalah kemahiran pemudah cara. Pemudahcara ialah teknik yang digunakan oleh guru untuk membantu murid-murid mencapai matlamat pembelajaran melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan disusun.

Guru sebagai pemudah cara ataupun fasilitator berfungsi untuk mendidik, membimbing, memujuk, mengukuh, memberikan bantuan dan menolong murid-murid mencapai matlamat pembelajaran yang dirancang melalui satu proses yang panjang (Mok Soon Sang, 2009). Justeru, peranan guru sebagai pemudah cara amat diperlukan dalam menangani murid-murid yang akan meneruskan sesi pembelajaran di sekolah dalam hospital ini. Hal ini kerana murid-murid tersebut memerlukan bimbingan serta perhatian khusus daripada guru bagi memastikan mereka selesai serta mudah mengikuti pembelajaran meskipun menjalani rawatan di hospital.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan didik hibur ini secara tidak langsung membantu proses rawatan kanak-kanak terbahit (Liza, S. & Rachel, W.R (2010)) . Hal ini kerana mereka dapat menimba ilmu melalui pendekatan pengajaran yang menyeronokkan, persekitaran pembelajaran yang tenang, menarik dan berwarna-warni juga merupakan terapi semulajadi bagi pesakit di hospital (Liza, S. & Rachel, W.R (2010)).

Pendekatan didik hibur ini turut menjadikan konsep pembelajaran lebih fleksibel dan wujudnya suasana pembelajaran yang lebih interaktif serta menyeronokkan (Zailah Zainudin, 2012). Hal ini akan menarik minat murid untuk terlibat aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru dan seterusnya mencapai objektif pembelajaran yang telah ditentukan. Pembelajaran berorientasikan pembelajaran sendiri, mendapatkan maklumat secara sendiri, kemampuan sendiri dan penilaian sendiri.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan didik hibur ini secara tidak langsung membantu proses rawatan kanak-kanak terbahit. Hal ini kerana mereka dapat menimba ilmu melalui pendekatan pengajaran yang menyeronokkan, persekitaran pembelajaran yang tenang, menarik dan berwarna-warni juga merupakan terapi semulajadi bagi pesakit di hospital. Pendekatan didik hibur ini turut menjadikan konsep pembelajaran lebih fleksibel dan wujudnya suasana pembelajaran yang lebih interaktif serta menyeronokkan. Hal ini akan menarik minat murid untuk terlibat aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru dan seterusnya mencapai objektif pembelajaran yang telah ditentukan.

PdP yang menggunakan pendekatan didik hibur mempunyai ciri-ciri sesi pembelajaran yang menyeronokkan kerana terkandung unsur kelakar, kecindan, ada unsur estetik, permainan muzik dan lakonan. Kajian yang dijalankan oleh Ramlah dan Siti Fatimah (2016) juga mendapati didik hibur memberi kesan positif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak di mana ia boleh mendatangkan kegembiraan, dapat menggalakkan kanak-kanak untuk berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain.

PdP di SDH adalah berasaskan keperluan murid yang berbeza. Dalam melaksanakan proses PdP, guru hendaklah menggunakan gabungan pelbagai kaedah pengajaran dengan mengambil kira lokasi, suasana bilik darjah, tajuk pelajaran, kebolehan, keupayaan, minat, bakat, dan cara pembelajaran berdasarkan kesediaan dan kesihatan murid (BPK,2014). Pendekatan yang berkesan mesti dilaksanakan supaya PdP yang dihasilkan berpusatkan murid, interaktif dan berdasarkan pendekatan pengajaran yang menyeronokkan dan fleksibel. Di samping itu, aspek psikologi juga amat dititiberatkan melalui pendekatan pembelajaran didik hibur. Dalam melaksanakan PdP di SDH, guru digalakkan menggunakan strategi Self-Directed, Self-Accessed, Self-Assessed, dan Self-Paced (SeDAAP). Strategi SeDAAP dapat menggalakkan murid agar lebih bertanggungjawab dalam pembelajaran mereka serta membentuk sikap pembangunan sendiri dan mempunyai keyakinan diri dalam apa jua tugas yang dilakukan. Strategi ini memberi fokus kepada pembelajaran secara individu di mana guru berperanan sebagai fasilitator.

Beberapa kajian lepas seperti kajian oleh Gera and Kathy (2007); Guild (1994); Liza and Rachel (2010) pula menyatakan bahawa kanak-kanak belajar dengan baik apabila mereka belajar melalui permainan dan merasai sendiri sesuatu perkara yang ingin dipelajari. Pelbagai saiz ruangan pembelajaran termasuk perbincangan kumpulan (Wendy & Anna,1998) pula perlu disediakan untuk memenuhi keperluan pembelajaran kanak-kanak. Pelbagai ruang yang diwujudkan akan membantu guru untuk mengajar dengan lebih berkesan. Ruangan yang baik akan memberikan keselesaan kepada kanak-kanak (Asiah, 2001).

Oleh itu, kajian ini adalah berlandaskan Teori Kognitif Sosial sebagai kerangka konsep kajian yang menganggap bahawa manusia bertindak dalam struktur sebab-musabab yang saling bergantung melibatkan penyebab triadic (Bandura 1986).

Pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007), tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara fundamental bergantung kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya (Kirk & Miller, 1986). Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes, adalah suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005). Kajian kes dilaksanakan untuk menghimpun data, memperoleh makna, dan memperoleh pemahaman daripada suatu kes. Proses pengumpulan data berdasarkan Creswell (1998) iaitu mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan bertujuan, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data. Data Kualitatif dipilih kerana ia berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Bogdan, 1984). Kajian ini bertujuan memperluaskan perspektif mengenai SDH di dalam usaha menangani keciciran pelajar di sekolah. Peserta kajian terdiri daripada guru yang mengajar dan staf sokongan SDH. Data diperolehi daripada kaedah temubual. Persampelan adalah saiz kecil dan dipilih secara bertujuan dan tidak berasaskan kebarangkalian.

Melalui Program SDH, guru dipilih berdasarkan kriteria tertentu dan telah menjalani beberapa sesi kursus bagi melayakkan mereka berkhidmat di SDH untuk mendidik murid-murid bermasalah kesihatan di hospital. Cabaran utama guru SDH ialah mereka terpaksa menyesuaikan diri dalam persekitaran dan situasi baharu yang ternyata berbeza dengan persekitaran sekolah tipikal. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana tahap efikasi sendiri guru atau kemampuan guru dalam melaksanakan pengajaran di SDH yang menuntut mereka berhadapan dengan murid bermasalah kesihatan dalam persekitaran hospital.

Antara cabaran dalam melaksanakan SDH adalah guru tidak begitu mengenali murid kerana tempoh mengajar seseorang murid terlalu singkat. Ini berikutan terdapat di kalangan kanak-kanak ini hanya memasuki wad dalam tempoh yang singkat. Justeru guru tidak dapat mengenali murid dengan lebih baik. Hanani Hussin, Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri (2013) menyatakan bahawa mengenali kemampuan dan kebolehan murid merupakan satu elemen dalam pembelajaran dan guru berkesan. Guru perlu tahu lima ciri-ciri pelajar iaitu latar belakang, masalah pembelajaran, ciri-ciri, tahap pendidikan dan motivasi. Pengetahuan guru tentang murid membantu guru merancang dan melaksanakan proses PdP yang lebih berkesan (Hanani Hussin, Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri, 2013).

Cabaran seterusnya ialah cabaran dalam mendidik para murid. Berbeza dengan sekolah harian di mana murid di sekolah harian akan dikelaskan mengikut umur yang sama dan mempunyai tahap kebolehan yang hampir sama (BPK, 2014). Di SDH, murid-murid akan dikelaskan mengikut peringkat sekolah rendah atau menengah, contohnya murid-murid yang berumur 7 hingga 12 tahun termasuk dalam golongan sekolah rendah, dan mereka akan diletakkan di dalam sebuah kelas yang sama, di mana tahap pengetahuan mereka adalah berbeza-berbeza (BPK, 2014).

Oleh itu, guru perlu kreatif dalam merancang isi kandungan PdP supaya murid dapat menerima pengetahuan yang di sampaikan. Kebiasaannya, pembelajaran akan dijalankan secara kumpulan kecil atau individu dan menyebabkan lebih daripada seorang guru diperlukan supaya kelas berjalan dengan lancar.

Kebanyakan murid SDH mengalami masalah emosi dan mempunyai daya penumpuan dan konstanasi yang rendah (Au 2014). Hal ini bertitik tolak daripada masalah kesihatan yang dialami oleh murid seterusnya menyumbang ketidakselesaian dalam mengikuti proses PdP. Guru-guru SDH mempunyai peranan dalam memastikan masalah emosi ini dikurangkan. Masalah ini berkait rapat dengan aspek bagaimana guru-guru melaksanakan pengurusan murid yang merangkumi pelaksanaan sesi hati ke hati dan kebajikan murid. Namun demikian, kajian mendapati guru kurang mengambil kira aspek kesediaan emosi, psikomotor dan kognitif dalam menyediakan aktiviti PdP terutamanya di wad dan menyebabkan proses PdP yang dilaksanakan khususnya di wad kurang memberi impak dalam program SDH (Normah & Ruhaiza 2014).

Bagi guru-guru di Sekolah Dalam Hospital, mereka perlu berhadapan dengan murid yang menghidap penyakit kanser, penyakit buah pinggang, masalah tulang, paru-paru dan sebagainya yang mempunyai emosi tidak stabil. Murid ini sering mengalami tekanan emosi, berasa kesepian, kesunyian, tidak bermotivasi dan seterusnya menyebabkan keadaan penyakit bertambah kritikal (Norlaila, 2007).

Program sekolah dalam hospital ini dilihat satu pendekatan baru yang digunakan oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Yayasan Nurul Yaqeen (YNY) bagi mengatasi masalah keciciran pelajar dalam pembelajaran ketika mereka sedang menjalani rawatan di hospital. Terdapat beberapa implikasi positif hasil daripada pelaksanaan program sekolah dalam hospital ini. Antaranya ialah, pelaksanaan SDH ini dilihat sebagai alternatif baru dalam dunia pendidikan untuk menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar yang terpaksa meninggalkan alam persekolahan berikutan menghadapi masalah kesihatan dan terpaksa menjalani rawatan di hospital.

Dasar SDH dianggap sebagai terapi kepada pelajar untuk melupakan penyakit. SDH adalah sebahagian daripada proses rawatan kanak-kanak menerusi proses rawatan yang tidak bersifat farmasutikal, sebaliknya menggunakan kaedah psikologi. Selain tertekan dengan rawatan penyakit yang diterima di hospital, kanak-kanak dapat bermain dan belajar dengan kaedah yang menyeronokkan di SDH.

Selain implikasi kepada pesakit yang menerima PdP di SDH, implikasi positif juga dapat dilihat daripada ibu bapa murid-murid. Ibu mana yang tidak sedih apabila melihat anaknya terpaksa terlantar di hospital akibat penyakit yang dihadapi dan terpaksa meninggalkan dunia persekolahan akibat masalah kesihatan. Namun, pelaksanaan SDH ini sedikit sebanyak dapat melegakan hati dan naluri seorang ibu apabila dapat melihat anaknya mampu tersenyum walaupun menghadapi penyakit.

Kewujudan SDH mampu menghilangkan rasa bimbang para ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak mereka apabila menerima rawatan di hospital. Kebimbangan ini tentunya lebih tinggi jika anak-anak mereka akan menduduki peperiksaan awam pada tahun berkenaan. Pelaksanaan SDH sekurang-kurangnya mengelakkan anak-anak mereka daripada ketinggalan dalam pelajaran dan seterusnya membantu dalam mengulangkaji pelajaran untuk peperiksaan yang bakal dihadapi. SDH juga dapat membangkitkan semangat anaknya untuk terus belajar tanpa perlu memikirkan kekurangan berbanding dengan orang lain.

Seterusnya, SDH juga meransang para guru untuk lebih kreatif dalam merancang dan melaksanakan PdP di kelas mahupun di wad. Dalam bidang pendidikan, terdapat pelbagai kemahiran dan pendekatan yang boleh disesuaikan mengikut kemampuan pelajar. Dengan mengambil kira faktor kesihatan dan emosi murid-murid di SDH, mereka memerlukan perhatian dan bimbingan yang lebih daripada guru. Jadi, tugas seorang guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi mereka boleh menggunakan kemahiran yang mereka ada untuk sentiasa memotivasikan para murid ini supaya mereka lebih terus bersemangat untuk meneruskan kehidupan.

Sistem pendidikan Malaysia tidak hanya tertumpu kepada pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran, yang mampu bersaing di pasaran kerja global malah untuk membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi. Ini semua dapat dicapai melalui proses pendidikan secara formal di sekolah. Melalui SDH, pembangunan modal insan masih lagi dapat diteruskan tetapi di luar amalan persekolahan yang konvensional. Hal ini kerana murid- murid akan diberikan ruang dan peluang menimba pendidikan selaras dengan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan meskipun berada di hospital. Proses pendidikan berjalan seiring dengan pembinaan modal insan

Program sekolah dalam hospital ini dilihat membawa suatu pembaharuan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pelaksanaannya membawa banyak manfaat kepada kanak- kanak yang mempunyai masalah kesihatan dalam menerima pendidikan yang sewajarnya untuk mereka sepanjang tempoh rawatan di hospital tersebut.

Secara kesimpulannya, Sekolah Dalam Hospital merupakan usaha kerajaan dalam menyediakan peluang pendidikan yang terbaik bagi pelajar yang menjalani rawatan di hospital supaya tidak ketinggalan di dalam pembelajaran mereka. Program Sekolah Dalam Hospital ini merupakan satu inovasi baru dalam dunia pendidikan di Malaysia bagi memastikan pendidikan untuk pesakit muda ini tidak disia-siakan sebaliknya diteruskan dengan pelaksanaannya selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia. SDH merupakan usaha kerajaan dalam menyediakan peluang pendidikan yang terbaik bagi pelajar yang menjalani rawatan di hospital supaya tidak ketinggalan di dalam pembelajaran mereka.

Pelaksanaan program sekolah dalam hospital ini masih lagi baru dalam sistem pendidikan di Malaysia. Umumnya, tidak ramai yang mengetahui tentang kewujudan program seperti ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan untuk program sekolah dalam hospital ini adalah dengan memberi promosi serta hebahan kepada orang awam tentang pelaksanaan SDH. Hal ini bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan pendidikan serta membantu orang awam memahami dengan lebih mendalam lagi berhubung dengan pelaksanaan program sekolah dalam hospital ini. Hebahan serta promosi ini juga mungkin boleh digunakan untuk mendapatkan sokongan serta sumbangan untuk membantu projek SDH ini demi kelangsungan pendidikan bagi anak- anak yang mendapatkan rawatan di hospital.

Selain itu, Kementerian Pelajaran mungkin boleh menyediakan latihan-latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengetahuan serta kemahiran asas untuk mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran SDH kepada semua guru. Hal ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal serta menyediakan tenaga pengajar untuk melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran SDH.

Guru-guru akan dilatih serta akan berkebolehan dalam menguruskan murid-murid untuk terus belajar dalam suasana pembelajaran yang kondusif serta meningkatkan lagi motivasi mereka supaya merasa tidak dipinggirkan dalam pendidikan walaupun mempunyai masalah kesihatan dan menjalani rawatan di hospital.

Selain menyediakan kursus khas untuk para guru mengambil pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran SDH, para guru pelatih wajar diberi penekanan awal ataupun pengenalan berkenaan konsep SDH ini. Guru yang sukarela menyertai program SDH ini perlu diberi kursus khas sewaktu masih lagi menuntut di IPG. Persediaan ini perlu untuk mengelakkan kecanggungan guru baru yang mungkin akan ditugaskan untuk mengajar di SDH sekiranya konsep ini akan disebar luas di seluruh negara nanti kerana situasi yang dialami berbeza dengan suasana asal sekolah.

IMPLIKASI KAJIAN

Sekolah dalam Hospital (SDH) merupakan inisiatif atau pendekatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Yayasan Nurul Yaqeen (YNY) untuk memberi kemudahan kepada murid selaku pesakit dalam hospital bagi mengelakkan murid yang menjalani rawatan di hospital mengalami ketinggalan dalam pembelajaran di sekolah. Pelaksanaan SDH boleh membantu guru di samping melatih guru untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam merancang aktiviti yang sesuai dengan tahap keupayaan murid di samping melatih guru untuk

memikirkan kemahiran, pendekatan dan bahan bantu belajar (BBB) yang dapat meningkatkan tahap prestasi murid mengikut kemampuan mereka.

Dalam kajian ini, guru boleh mengaplikasi pendekatan didik hibur dan menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid dalam program SDH. Gaya penyampaian yang berkesan dan pendekatan yang boleh menarik minat murid dalam program SDH memberi implikasi yang positif kepada murid kerana murid boleh belajar dengan seronok walaupun terlantar di katil hospital akibat penyakit yang dihadapi. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang berterusan dalam program SDH boleh memberi harapan kepada murid bermasalah kesihatan untuk terus belajar di hospital.

Secara Keseluruhannya, Sekolah Dalam Hospital banyak memberikan implikasi positif kepada pelbagai pihak terutamanya guru dan murid. Program ini sedikit sebanyak membawa pembaharuan kepada sistem pendidikan di Malaysia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, program sekolah dalam hospital ini masih lagi perlu kepada penambahbaikan dalam usaha membantu kanak-kanak mendapatkan pendidikan yang sepatutnya ketika mereka berada di hospital. Badan-badan bukan kerajaan yang lain turut diseru bersama-sama membantu usaha murni Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia ini menyediakan perkhidmatan pembelajaran yang terbaik untuk kanak-kanak ini.

SDH merupakan satu inovasi dalam dunia pendidikan tanah air diperkenalkan kerajaan untuk mengatasi masalah keciciran di kalangan pelajar yang mendapat rawatan jangka panjang di hospital kerajaan. Akhirnya mereka yang bermasalah kesihatan kronik mendapat peluang mengikuti pelajaran seiring dengan rakan mereka yang lebih sihat. Kerap kali berlaku, apabila seseorang pelajar dimasukkan ke hospital untuk menjalani rawatan lanjut, mereka akan ketinggalan dalam pelajaran dan peperiksaan penting, meskipun bukan itu yang mereka pinta. Oleh itu, keputusan pelaksanaan program Sekolah Dalam Hospital (SDFH) oleh Kementerian Pelajaran ini juga memberi peluang kepada pelajar yang terlantar di atas katil untuk memperolehi pelajaran secukupnya biarpun berada di hospital. Tidak dinafikan program SDH yang mula dilaksanakan ini memberi harapan baru kepada murid dan pelajar yang menghadapi penyakit kritikal di hospital.

Hakikatnya walaupun tidak lagi ke sekolah seperti biasa, mereka patut diberi pendidikan. Sebilangan besar pesakit berusia antara lima hingga 18 tahun ketinggalan pelajaran mereka ekoran terpaksa menjalani rawatan di wad dalam tempoh yang sangat lama. Ada kalangan pelajar yang tinggal di hospital mempunyai tahap akademik yang baik dan cemerlang. Adalah merugikan tahap pemikiran mereka disia-siakan tanpa mendalami dan menyambung pelajaran semata-mata mereka dikategori sebagai 'pesakit'. Bukan selama-lama mereka akan tinggal di hospital, dan tempoh masa yang ada itu patut diisi dengan pelajaran.

Jangan biar hidup mereka dipenuhi kebosanan hingga mengikis motivasi untuk meneruskan pembelajaran apabila kembali ke sekolah. Melalui program SDH, eloklah pesakit yang tidak mampu bergerak didatangi guru yang mengajar di bilik pelajar berkenaan. Tidak perlu mereka dihantar ke bilik darjah hospital. Ramai murid dan pelajar yang berada di atas katil hospital seluruh negara menantikan kedatangan program ini di tempat mereka. Semua pihak mengharapkan pendekatan inovasi dalam pendidikan ini dapat memastikan murid dan pelajar yang terpaksa menerima rawatan di hospital tidak ketinggalan dalam pelajaran. Inovasi ini akhirnya memberi keadilan kepada pelajar 'sakit'.

Kualiti pendidikan yang tinggi merupakan faktor kritikal yang boleh menjamin kesejahteraan hidup yang menyumbang kepada perubahan yang signifikan kepada kualiti kehidupan rakyat dan seterusnya merangsangkan pembangunan dan perkembangan negara. Seiring dengan saranan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) yang memperjuangkan "Pendidikan Untuk Semua" di mana peluang pendidikan disediakan bermula daripada awal kanak-kanak sehingga pendidikan sepanjang hayat pada peringkat dewasa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut mengambil inisiatif dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam usaha menyediakan pendidikan kepada rakyat tanpa mengambil kira bangsa, agama, jantina, peringkat dan latar belakang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Dalam usaha untuk memperluaskan akses dan ekuiti pendidikan serta meningkatkan kualiti pendidikan negara, pelbagai strategi yang komprehensif telah dirancang dan dilaksanakan oleh KPM.

RUJUKAN

- Asiah A.R. (2001). *Design of Buildings for Early Childhood Education*. (1st ed.). IIUM Press, International Islamic University Malaysia.
- Au Yeong Su Lyn. 2014. Pembelajaran dan pengajaran sains di SDH. *Prosiding Seminar Sekolah Dalam Hospital Kali Ke-2*, 101-109. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BPK. (2014). *Manual Pelaksanaan Program Sekolah Dalam Hospital*. Putra Jaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Department of Children and Family Services (2009). *Policy on the Access to Education for Children and Young People with Medical Needs*. Retrieved November 20, 2011 from <http://wwwccchs.org.uk> website.
- Lucy, T. (2008). *A Healthy Outlook in Hospital Schools*. Retrieved November 23, 2011 from <http://www.guardian.co.uk/education> website.

- Gera, J. & Kathy, C. (2007). Play, Projects, and Preschool Standards, Crown Press: California Guild, P. (1994). The Culture / Learning Style Connection. Education Leadership. p.16
- Ismail, S.& Mohd Sarofil, A.(2006). Phenomenological Approach in Determining Responses Of Hospitalized Children Experiencing a Garden. Journal Alam Bina. Vol 8(No. 2): p 13
- Isabelle L. (2011). Off to School-Even in Hospital. Thestar Online. Retrieved November 11, 2011 from <http://thestar.com.my/news>
- Liza, S. & Rachel, W.R (2010). Child's Play an Important Part of Learning. Chicago Tribune. Retrieved January 23,2011 from <http://www.cindycare.net>
- Lucy, T. (2008). A Healthy Outlook in Hospital Schools. Retrieved November 23, 2011 from <http://www.guardian.co.uk/education> website.
- Indramalar, S.(2011). Learning on the mend. TheStar online. Retrieved October 18, 2011, from <http://thestar.com.my> website.
- KPM. (2017). Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from Portal Rasmi Pendidikan Malaysia: www.moe.gov.my
- Mook Soon Sang (2009). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.Selangor.*
- Nur Hanani Hussin ,Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri (2013). Elemen Mengenal Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam. The Online Journal of Islamic Education, 1(2) : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Normah Ismail & Ruhaiza Isa. 2014. Cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran berkualiti di sekolah dalam hospital. Prosiding Seminar Sekolah Dalam Hospital Kali Ke-2, 19- 32. Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pendidikan Guru.
- Ornstein, A. C. & Hunskin, F. P. (2004). *Curriculum: Foundation principles and issues. USA: Pearson Education*
- Syed Ismail Syed Mustafa (2010). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Professional Penerbitan Multimedia Sdn.bhd.Selangor.*
- Wendy F. & Anna T.(1998). In Jonathan G.& Brian J. (Eds.),*In-patient Child Psychiatry. Educational Management. London: Routledge.*

Jong Yii Phin

Pelajar Ijazah Sarjana di Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor 45600, Malaysia

Email : jongyiiphin@gmail.com

Mohd Hanafi Mohd Yasin (PhD)

Professor Madya di Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor 45600, Malaysia

Email : mhmy6365@ukm.edu.my